



ROSLI Shabudin meredah air untuk ke rumahnya yang dilanda banjir di Kampung Nyior, Kuala Dipang, Perak, semalam.



MENTERI Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir bertanya khabar kepada mangsa banjir, Norashikin Shamsudin di pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampar, Perak, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

1,500 penduduk dipindahkan, Kuala Dipang paling teruk terjejas

Banjir selepas hujan lebat lima jam

Oleh ROKIAH ABDULLAH
rokiah.abdullah@utusan.com.my

KAMPAR 12 April - Kira-kira 1,500 penduduk daripada 657 keluarga terpaksa dipindahkan selepas banjir melanda beberapa daerah sekitar Perak awal pagi ini ekoran hujan lebat lebih lima jam sejak tengah malam tadi.

Paling teruk terjejas adalah kawasan sekitar Kuala Dipang di sini apabila 1,200 penduduk daripada 254 keluarga terpaksa dipindahkan dalam kejadian banjir paling buruk melanda kawasan itu dalam tempoh 30 tahun.

Operasi memindahkan penduduk terbabit dimulakan seawal pukul 7 pagi selepas rumah mereka dinaiki air mencecah lebih tiga meter.

Banjir di Kuala Dipang turut berpunca daripada ban Sungai Kampar di sini pecah sehingga menyebabkan paras air naik mendadak dalam masa singkat sekali gus menyukarkan penduduk menyelamatkan harta benda.

Kawasan terlibat adalah Kam-

Air naik begitu pantas sejak pukul 6 pagi. Mana mungkin saya dan empat pekerja lain mampu menyelamatkan perabot tersebut dalam masa singkat

MOHD. YUSRI BASIRAN
Pengusaha kedai perabot

pung Batu 20, Kampung Baru, Kampung Kuala Dipang, Kampung Pasir, Kampung Melaya, Kampung Nyior dan Kampung Pulau Bergading.

Ketika ini, semua mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu seramai 767 mangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar manakala 378 mangsa lagi ditempatkan di Dewan Pulau Bergading.

Selain di Kampar, sebanyak 403 rumah di sekitar Ijok, Selama dekat sini turut ditenggelami air iaitu 215 rumah di Kampung Sungai Jernih, Kampung Masjid (76) dan Kampung Sangkut (26).

Dua buah rumah yang terletak di Kampung Sungai Jernih turut run-

tuh dan dihanyutkan arus deras.

Bagaimanapun, hanya 39 keluarga di sekitar Ijok dipindahkan di Dewan Orang Ramai Sungai Segar.

Banjir turut dilaporkan berlaku di kawasan Batang Padang, Tapah dekat sini yang mana sebuah jambatan bernilai RM500,000 dihanyutkan.

Seorang pengusaha kedai perabot, **Mohd. Yusri Basiran**, 44, di Kampung Kuala Dipang memberitahu, kesemua perabot yang diperbuat daripada kayu jati bernilai RM600,000 di kedainya ditenggelami air ekoran kejadian itu.

"Air naik begitu pantas sejak pukul 6 pagi. Mana mungkin saya dan

empat pekerja lain mampu menyelamatkan perabot tersebut dalam masa singkat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di kampung itu hari ini.

Mohd. Yusri yang baru berniaga di kawasan itu dua tahun lalu memberitahu, dalam tempoh setengah jam, kesemua barang di premisnya ditenggelami air.

Penduduk Kampung Baru, **Fauziah Abu Hasan Saari**, 29, pula berkata, dia dan rakan serumah **Maizura Mior Hashim**, 32, seperti terhutang nyawa kepada anak kucing yang baru dibela sejak seminggu lalu.

Katanya, anak kucing tersebut yang diberi nama Etot mengiau dengan nyaring sehingga mengejutkan mereka dari tidur ketika air mula memasuki rumahnya kira-kira pukul 2.30 pagi.

"Saya pergi mendapatkannya dan alangkah terperanjat apabila melihat air ketika itu sudah paras betis. Saya segera mengejutkan Maizura dan keluar rumah menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan banjir di SMK Kampar.



NORHALIMATUN Huda Boliah (dua dari kiri) dan anak-anaknya menunjukkan rumah mereka yang hampir ditenggelami banjir di Kampung Batu 20, Kuala Dipang, semalam.